

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



MPOB teruskan kerjasama dengan BH

● MUKA 2

KPSM tingkat pendapatan pekebun kecil

● MUKA 3



Bajet 2017 memacu pertumbuhan industri komoditi negara

➔ Perkukuh sektor perladangan, komoditi tingkat sumbangan pendapatan



Mah Siew Keong

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Pembangunan sektor perladangan dan komoditi akan terus mendapat tumpuan khusus kerajaan pada tahun hadapan sebagaimana dicerminkan oleh pembentangan Bajet 2017 oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Abdul Razak di Parlimen baru-baru ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, kerajaan memberi komitmen berterusan dalam usaha untuk memacu pertumbuhan industri komoditi negara ke satu tahap yang lebih tinggi.

“Bagi menyokong Bajet 2017 ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) merangka program dan inisiatif untuk meneruskan usaha memperkukuhkan pertumbuhan industri komoditi dan meningkatkan sumbangan sektor komoditi kepada pendapatan negara,” katanya dalam satu kenyataan akhbar.

Antara program yang akan dilaksanakan MPIC melalui Bajet 2017 adalah pembangunan pengeluaran eksport produk komoditi dengan peruntukan sebanyak RM286 juta; pelaksanaan kajian saintifik untuk meningkatkan lagi kualiti produk sawit dengan

peruntukan sebanyak RM50 juta; memantapkan lagi Program Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian dengan peruntukan RM20 juta; dan menggalakkan pekebun kecil sawit menanam semula dengan peruntukan RM30 juta.

Teroka pasaran baharu

Mah berkata, MPIC akan terus memacu dan mengukuhkan sektor hiliran komoditi di samping meneroka pasaran baharu yang dapat meningkatkan daya saing produk komoditi di peringkat global.

Selain itu, MPIC turut memberi tumpuan kepada meningkatkan kecekapan dan produktiviti di setiap peringkat rantai nilai, termasuk menghasilkan produk berasaskan komoditi yang bernilai tambah tinggi dan bersifat mesra alam.

“MPIC juga amat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil komoditi dan menyediakan pelbagai bantuan ke arah meningkatkan produktiviti. Usaha ini menyumbang ke arah peningkatan pendapatan pengusaha tanaman komoditi di luar bandar, khususnya pekebun kecil sektor komoditi. Usaha juga diambil untuk meningkatkan penggunaan domestik produk



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

komoditi,” katanya.

Kerajaan terus beri tumpuan

Mah berkata, tahun 2017 dilihat sebagai tahun mencabar kepada sektor komoditi dengan ketidakstabilan ekonomi dunia terutamanya di negara pengimport produk komoditi utama seperti China dan

Kesatuan Eropah.

Pada tahun 2015, eksport minyak sawit Malaysia ke China berjumlah 2.38 juta tan berbanding 2.84 juta tan pada tahun 2014.

Kesatuan Eropah pula mengimport 2.43 juta minyak sawit Malaysia pada tahun 2015 berbanding 2.41 juta tan pada tahun 2014.

“Namun demikian, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada sektor perladangan dan komoditi yang menjadikan penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan pemangkin kepada peningkatan pendapatan rakyat luar bandar,” katanya.

Perdana Menteri, Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak semasa pembentangan Bajet 2017 baru-baru ini turut memberi tumpuan kepada pertumbuhan sektor komoditi negara. Sejumlah RM636 juta diperuntukkan pada tahun 2017 bagi memacu pertumbuhan pembangunan sektor komoditi yang meliputi perladangan sawit, getah, koko, lada dan kenaf.

Bagi industri sawit, selain peruntukan RM286 juta bagi meningkatkan pengeluaran eksport produk sawit, getah dan lada, kerajaan memperuntukkan RM50 juta bagi pelaksanaan kajian saintifik oleh MPOB bagi meningkatkan kualiti produk sawit. RM30 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan tanam semula dan tanam baharu sawit oleh pekebun kecil dan RM20 juta untuk naik taraf jalan ladang bagi kemudahan pekebun kecil.



MINDA
Dr Ahmad Kushairi Din

Ketua Pengarah MPOB

Menteri Perusahaan Perumahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dalam kenyataan media mengenai pengumuman Bajet 2017, menyatakan komitmen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk terus merangka program dan inisiatif bagi meneruskan usaha memperkukuh pertumbuhan

industri komoditi dan meningkatkan sumbangannya kepada pendapatan negara.

Tumpuan dan peruntukan yang disediakan kepada sektor komoditi terutama bagi penyelidikan dan kajian saintifik bakal memberi manfaat kepada industri sawit. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan oleh MPOB dalam industri sawit bertujuan meningkatkan kecekapan dan produktiviti dan kualiti meliputi setiap peringkat rantai nilai dan menghasilkan produk sawit yang bernilai tinggi dan mesra alam sejajar strategi jangka panjang MPOB.

Penyelidikan secara intensif dalam menghasilkan inovasi baharu adalah penting bagi memastikan industri sawit mampu memenuhi peningkatan permintaan pasaran minyak dan lemak dunia. Permintaan global bagi minyak dan lemak dijangka meningkat berikutan pertumbuhan populasi dunia dan Malaysia perlu memenuhi kenaikan itu secara mampan melalui penggunaan teknologi untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit.

Peruntukan bagi tanam semula, tanam baharu dan jalan ladang membuktikan kerajaan prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil komoditi dengan menyediakan pelbagai bantuan dan insentif ke arah meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Peruntukan yang disediakan akan mempertingkatkan keupayaan pekebun kecil yang berada di luar bandar bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan melalui penanaman sawit. Peruntukan bagi penanaman semula sawit akan dapat memanfaatkan lebih ramai pekebun kecil yang berhasrat menanam sawit atau menanam semula pokok sawit tua atau yang tidak produktif.

Penyediaan kemudahan asas seperti pembinaan atau menaik taraf jalan ladang akan memberi manfaat kepada pekebun kecil komoditi dan impak yang menyeluruh ke atas pembangunan sosio-ekonomi luar bandar. Pembinaan jalan ladang yang sempurna merupakan asas penting bagi penghantaran input pertanian dan pengangkutan keluar hasil buah tandan segar yang perlu dihantar segera ke kilang sawit bagi memastikan kualiti buah yang diproses.

Bajet 2017 membuktikan bahawa Kerajaan memberi perhatian penting kepada kemajuan sektor komoditi perladangan dan akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pekebun kecil melalui bantuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Ini akan memastikan sektor komoditi terus kekal berperanan sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan pemangkin kepada peningkatan pendapatan rakyat luar bandar.

kushairi@mpob.gov.my



Datuk Seri Ahmad Hamzah (kanan) dan Datuk Abdul Jalil Hamid (kiri) menyaksikan Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kanan) dan Datuk Mahfar Ali bertukar kontrak penerbitan BS.

MPOB teruskan kerjasama dengan BH

➔ Sisipan BS wadah penting kepada MPOB salurkan maklumat perkembangan industri sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

✦ Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meneruskan kerjasama setahun lagi dengan Berita Harian Sdn Bhd (BH) bagi penerbitan sisipan *Berita Sawit* (BS). Melalui kerjasama berkenaan, penerbitan BS kini memasuki tahun ke-15 sejak kali pertama diterbitkan pada tahun 2001.

Majlis menandatangani kontrak bagi penerbitan disempurnakan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali.

Majlis disaksikan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Pengarang Urusan Kumpulan The News Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Abdul Jalil Hamid.

Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika berucap di majlis itu berkata, BS adalah wadah penting kepada MPOB

bagi menyalurkan maklumat mengenai perkembangan industri sawit kepada masyarakat umum khususnya pembaca BH di seluruh negara.

Katanya, BS yang diterbitkan dan diedarkan bersama akhbar Berita Harian mempunyai jangkauan pembaca yang meluas di seluruh negara meliputi segenap lapisan terdiri daripada golongan profesional di bandar besar sehingga masyarakat yang tinggal di luar bandar.

"Berita Sawit adalah 'flag bearer' yang menyumbang kepada penyebaran maklumat sawit sekali gus

menyumbang kepada pengukuhan imej MPOB sebagai agensi terulung dalam penyelidikan sawit.

Kumpulan dapat manfaat

"Industri sawit yang terdiri daripada pengusaha ladang, sektor pengilangan dan pemrosesan, pekebun kecil dan sektor perkhidmatan adalah kumpulan yang mendapat manfaat secara langsung daripada berita yang disalurkan melalui penerbitan BS," katanya.

Beliau berkata, maklumat mengenai pembangunan industri sawit, inisiatif kerajaan dan teknologi serta inovasi baharu berjaya memberi pendedahan dan meningkatkan prestasi dan produktiviti industri sawit negara.

Katanya, kerjasama dan sokongan teknikal pihak BH yang meliputi aspek penulisan, penyuntingan dan rekabentuk, akhbar sisipan BS terus dapat bertahan sehingga mencapai usia penerbitan sekarang.

"Penerbitan akhbar sisipan membabitkan liputan berita atau artikel yang tepat dan memenuhi kualiti penerbitan akhbar dan penulisan yang bermutu, segar untuk tatapan pembaca serta penggunaan bahasa yang mudah difahami," katanya.

Beliau berharap usaha ini dapat memberi manfaat bersama khususnya bagi mempertingkatkan lagi penyuluran maklumat sawit yang tepat kepada pembaca di seluruh negara.

Sempena majlis berkenaan, rombongan MPOB turut dibawa melawat ke pusat sumber NSTP dan bahagian editorial BH bagi mengetahui proses penerbitan akhbar BH dan BS.



Industri sawit yang terdiri daripada pengusaha ladang, sektor pengilangan dan pemrosesan, pekebun kecil dan sektor perkhidmatan adalah kumpulan yang mendapat manfaat secara langsung daripada berita yang disalurkan melalui penerbitan BS"

Ahmad Hamzah,
Pengerusi MPOB

KPSM tingkat pendapatan pekebun kecil

➔ Pengeluaran BTS berkualiti, jualan terus ke kilang tambah pendapatan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

Ipoh

Pekebun kecil sawit yang menjual buah tanda segar (BTS) secara berkelompok menerusi Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) boleh menikmati tambahan harga jualan RM50 atau 13 peratus bagi setiap tan berbanding jualan terus kepada peniaga buah sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata pembabit koperasi dalam memastikan pengeluaran BTS berkualiti dan jualan sawit secara terus ke kilang

akan memberi pendapatan lebih baik kepada pekebun kecil.

33 koperasi ditubuh

Beliau berkata, sehingga September 2016, sebanyak 33 buah Koperasi Penanam Sawit Mampan ditubuhkan di seluruh negara iaitu 13 di Semenanjung, Sarawak (11) dan Sabah (9) manakala 20 daripadanya memulakan jualan kelompok BTS terus ke kilang.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang dibacakan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Katanya, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), kerajaan juga memperuntukkan dana bagi pembinaan pusat timbang BTS dikendalikan oleh KPSM.

“Peruntukan dana bagi membantu koperasi mengembangkan jualan BTS berkelompok secara terus ke kilang sawit adalah berjumlah RM200,000 bagi sebuah koperasi.

Katanya, MPOB juga bekerjasama dengan Agro Bank bagi ke-



Datuk Seri Ahmad Hamzah menunjukkan buku yang dilancarkan MPOB untuk panduan kawalan penyakit dan perosak.

mudahan overdrif kepada koperasi bagi pembiayaan modal pusingan kepada koperasi menjalankan perniagaan jual beli BTS.

Selain itu, kementerian turut memberi penekanan penting kepada peningkatan pengetahuan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan pemindahan teknologi baharu kepada pekebun kecil.

“Penggunaan teknologi baharu dan aplikasi pertanian moden serta amalan mampan dalam penanaman sawit oleh pekebun kecil dijangka berupaya memberi impak kepada peningkatan hasil sawit dan pendapatan tinggi.

“MPOB membangunkan beberapa teknologi seperti jentera pengangkutan buah sawit di samping membangunkan teknik kawalan perosak bersepadu bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Beliau berkata, kerajaan turut memberi perhatian penting kepada pembangunan pekebun kecil

bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Dalam pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit, kerajaan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil untuk menanam semula pokok sawit tua atau mengusahakan tanaman sawit baharu.

Bantuan sebanyak RM9,000 sehektar disediakan kepada pekebun kecil di negeri Sarawak dan Sabah, dan RM7,500 bagi negeri-negeri di Semenanjung yang merangkumi bekalan anak benih sawit berkualiti, input pertanian dan khidmat nasihat penanaman sawit mengikut Amalan Pertanian Baik.

Skim Integrasi

Bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil, kerajaan juga menyediakan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITA) dan Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE) kepada pekebun kecil yang

layak. Nilai bantuan integrasi tanaman ialah RM3,000 sehektar manakala bagi integrasi ternakan, dibekalkan induk lembu dan kambing.

Persidangan yang diadakan dua tahun sekali itu menghimpun lebih 500 pekebun kecil, pengusaha ladang dan agensi kerajaan yang terbabit dengan sektor pekebun kecil dari seluruh negara.

Majlis perasmian turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Changkat Jong, Dato' Mohd Azhar Jamaluddin.

Pada majlis berkenaan MPOB turut melancarkan dua penerbitan bertajuk ‘Garis Panduan Prosedur Operasi Standard Kawalan Ulat Bungkus’ dan ‘Garis Panduan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Penyakit Ganoderma’ untuk rujukan pekebun kecil dan pengusaha ladang dalam usaha menangani dan mengawal serangan penyakit dan perosak sawit.

3 pekebun kecil terima Anugerah Industri Sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

Ipoh: Tiga pekebun kecil masing-masing dari Johor, Sabah dan Sarawak menerima pengiktirafan sebagai pekebun kecil sawit terbaik, manakala satu koperasi diiktiraf Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) terbaik bagi Anugerah Industri Sawit 2015/2016.

Penyampaian anugerah yang diadakan sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2016 disempurnakan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah di sini, baru-baru ini.

Bagi kategori pekebun kecil penerima terdiri Md Baharom Selamat dari Johor, Musa Bin Matun (Sarawak) dan Mohd Sabri Dimeng (Sabah).

Kategori KPSM yang diperkenalkan buat julung kalinya dianugerahkan kepada Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Saratok Sdn Bhd dari Sarawak.

Pekebun kecil dinilai berdasar-

kan pencapaian produktiviti, pelaksanaan amalan pertanian baik, integrasi sawit, pengurusan dan jalinan hubungan, aktiviti ekonomi tambahan serta modal insan.

Sistem penilaian

Bagi koperasi penilaian adalah berdasarkan kriteria yang meliputi keahlian koperasi yuran, dan saham koperasi, pendapatan, kepelbagaian aktiviti yang diniagakan, pengurusan koperasi yang merangkumi aspek pematuan Undang-Undang Kecil Koperasi serta modal insan, komitmen koperasi terhadap MPOB, pulangan kepada ahli dan jualan buah tandan segar secara berkelompok.

Penerima Anugerah Industri Sawit peringkat Semenanjung Malaysia iaitu Md Baharom Selamat yang berasal dari Rengit, Johor mengusahakan tanaman sawit seluas 2.55 hektar dengan hasil purata buah tandan segar (BTS) pada tahun 2015 sebanyak 32.75 tan sehektar setahun.

Selain tanaman sawit, beliau turut mengusahakan tanaman ke-



Datuk Seri Ahmad Hamzah mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Industri Sawit.

lapa matag dan pisang berangan serta mempunyai empat lot kedai dan ‘homestay’ sebagai sumber pendapatan tambahan.

Musa Matun yang mengusahakan tanaman sawit seluas 21.78 hektar berjaya memperoleh hasil purata BTS sebanyak 31.31 tan setahun pada 2015. Beliau yang berasal dari Batu Niah, Sarawak turut memiliki kedai runcit dan ternakan kambing serta lembu sebagai pendapatan tambahan.

Pemenang peringkat Sabah, Mohd Sabri Dimeng yang berasal dari Tawau dan mengusahakan tanaman sawit seluas 35.2 hektar berjaya memperoleh hasil purata BTS sebanyak 35.7 tan sehektar setahun.

Sebagai sumber pendapatan tambahan beliau turut menjalankan aktiviti menternak kambing, biri-biri dan lembu serta menghasilkan produk makanan haiwan ternakan dan penghasilan

baja organik.

KPSM Daerah Saratok Berhad

Sementara itu, KPSM Daerah Saratok Berhad yang ditubuhkan pada tahun 2011 dan dianggotai 539 ahli dianugerah adalah KPSM pertama yang melaksanakan jualan BTS secara berkelompok terus ke kilang.

KPSM Saratok juga pernah menerima pengiktirafan Anugerah Koperasi Terbaik Pertanian dan Industri Asas Tani sempena Hari Koperasi Negara 2016 Peringkat Negeri Sarawak.

Anugerah Industri Sawit adalah pengiktirafan kerajaan kepada pihak industri sawit yang berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai sektor seperti perladangan, pengilangan dan pemprosesan serta penapisan.

Pada majlis sama, MPOB juga menyampaikan sijil Standard Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) kepada tujuh pekebun kecil persendirian dan terancang.



Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) mempengerusikan forum MPOB-MEOA. Yang turut serta, Dr Ahmad Kushairi (kiri) dan Joseph Tek.

Forum MPOB, MEOA ketengah isu sektor perladangan

➔ Industri jadi tunjang ekonomi negara sejak sekian lama

Oleh **Mohd Hefni Rusli**
mohd.hefni@mpob.gov.my

✦ **Bangi**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) mengadakan forum bagi membincangkan isu-isu terkini sektor perladangan sawit Malaysia bertempat di ibu pejabat MPOB baru-baru ini.

Forum dipengerusikan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad

Hamzah dan dihadiri lebih 50 peserta terdiri pemilik ladang sawit dari seluruh Malaysia dan pegawai MPOB.

Forum MPOB – MEOA 2016 ini adalah forum kelima sejak mula di anjurkan pada tahun 2012.

Forum turut dihadiri Ketua Pengerah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Presiden MEOA, Joseph Tek.

Datuk Seri Ahmad pada majlis pembukaan forum itu berkata, industri sawit adalah tunjang ekonomi negara sejak sekian lama dan

menyumbang kepada pendapatan hasil eksport, peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup penduduk luar bandar.

“Pengalaman Malaysia dalam industri ini yang akan mencapai satu abad pada tahun hadapan menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai kelebihan kompetitif dalam pasaran antarabangsa dan menjadi peneraju pasaran dari aspek produktiviti serta penyelidikan dan pembangunan,” ujar beliau.

Katanya, selaras perkembangan industri sawit dan peningkatan permintaan terhadap komoditi sawit dan produk berkaitan, masih terdapat isu yang boleh membantutkan pertumbuhan industri sawit sekiranya tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

“Antara isu berkaitan ialah kawasan penanaman yang terhad, aplikasi teknologi mekanisasi, penyakit dan perosak tanaman dan pembangunan industri sawit yang mampan dan mesra alam.

Justeru itu, beliau menegaskan bahawa forum MPOB-MEOA ini adalah satu platform terbaik untuk membincangkan isu penting yang sedang dihadapi oleh industri kelapa sawit pada masa sekarang.

Enam perkara dibincang

Enam perkara utama dibincangkan sepanjang forum berkenaan meliputi isu pekerja asing, mekanisasi, manual penggredan terbaru MPOB, kemudahan perangkap biogas, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), penyakit dan perosak tanaman sawit, skim cukai industri sawit serta penggunaan kit ‘SURESAWIT’.

Sementara itu, Joseph Tek menyuarakan isu berkaitan perosak dan penyakit sawit pada forum ini di mana penyakit Ganoderma yang menyebabkan kerugian adalah antara isu penting yang dibangkitkan oleh ahli MEOA.

Joseph Tek menyuarakan kebimbangan beliau terhadap peningkatan penyakit Ganoderma di kawasan penanaman semula.

Beliau turut menggesa MPOB untuk mempercepatkan kajian berkaitan isu pengeluaran buah yang rendah akibat masalah pengebungaan sawit.

Dr Kushairi pula berkata, MPOB sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dan agensi kerajaan lain bagi mengatasi isu itu dan MPOB komited untuk membantu pihak industri melalui kerjasama yang berterusan dengan semua pihak.

Jalankan kolaborasi

Beliau berkata, bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, MPOB kini giat menjalankan kolaborasi dengan syarikat tempatan dan antarabangsa bagi memperkenalkan teknologi dan inovasi baharu bagi membantu peladang sawit di seluruh negara.

Isu berkaitan kemudahan perangkap biogas dan Skim Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) turut dibincangkan pada forum ini.

Dr Kushairi berkata, secara keseluruhannya terdapat 90 loji biogas yang siap dibina di seluruh Malaysia di mana 12 loji biogas di Semenanjung dan empat loji biogas di Sabah sudah beroperasi dan membekalkan tenaga kepada grid kebangsaan.

Dalam pada itu, MPOB turut menerangkan bahawa Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPO-CC) telah dibentuk dan bertanggungjawab untuk memantau serta menguruskan aktiviti berkaitan Pensijilan MSPO menerusi sesi taklimat dan latihan bagi pelaksanaan MSPO di seluruh negara.

Beliau juga menjelaskan bahawa pengusaha ladang sawit yang melaksanakan skim amalan pertanian baik menerusi inisiatif skim kod amalan MPOB mampu memperoleh sijil MSPO dengan mudah.

Pengerusi MPOB lawat stesen penyelidikan Kluang

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Kluang: Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah merencanakan misi beliau dalam mengenali industri sawit lebih dekat lagi dengan berkunjung ke Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, di sini pada awal bulan lalu.

Lawatan sehari itu memberi peluang kepada pegawai penyelidik MPOB di stesen penyelidikan itu memberi penjelasan dengan lebih terperinci mengenai asal usul sawit dan bagaimana teknologi pembiakan pohon daripada benua Afrika itu dipelopori dan diperhebatkan oleh Malaysia.

Dalam ucapan beliau semasa sesi taklimat itu, Datuk Seri Ahmad Hamzah mengucapkan syabas ke-

pada MPOB kerana berjaya membina satu industri yang amat bermakna dalam pembangunan ekonomi negara.

“Kawasan ini lebih daripada sebuah stesen penyelidikan sawit. Dengan wujudnya pelbagai baka sawit dari seluruh pelusuk dunia di sini, stesen ini adalah khazanah sawit negara,” katanya.

MPOB memiliki koleksi germplasma sawit terbesar daripada seluruh dunia dan ianya ditanam secara ladang di Stesen Penyelidikan Kluang.

Pemilihan dan penilaian kepentingan *trait* dibuat ke atas koleksi germplasma ini dan menghasilkan pelbagai teknologi baharu dari segi pembiakan dan penghasilan baka yang dikenali oleh industri sebagai siri PS (palm series) yang mana setiap satu memiliki *trait* tersendiri. Semasa lawatan, Datuk Seri Ah-

mad Hamzah turut menyaksikan proses pengambilan debunga sawit; pengeluaran biji benih komersial; analisis tandan dan program integrasi ternakan rusa, kambing dan landak di ladang sawit.

Dalam sesi lawatan berasingan, beliau turut melawat Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan di Hutan Melintang pada minggu berikutnya.

Beliau diberi taklimat mengenai teknik penanaman sawit di tanah gambut yang berjaya dihasilkan oleh MPOB. Teknik ini telah berjaya menebus guna tanah gambut untuk penanaman sawit dan seterusnya menjana sumber ekonomi tanpa memudaratkan alam sekitar.

Datuk Seri Ahmad Hamzah dijangka akan melawat beberapa stesen penyelidikan MPOB lagi termasuk di Keratong, Hulu Paka dan Lahad Datu.



Datuk Seri Ahmad Hamzah mendengar taklimat mengenai proses penghasilan biji benih sawit.

Usaha tingkatkan eksport minyak sawit ke Iran dipergiat

➔ Tehran tawar peluang pasaran besar produk sawit khususnya sektor industri makanan Iran

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir, Rafizah Mazlan dan Nik Mohd Aznizan
fairus@mpob.gov.my,
rafizah@mpob.gov.my,
aznizan@mpob.gov.my

► Tehran

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengatur pertemuan ahli delegasi Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Iran dengan Kesatuan Industri Makanan Iran (IFIF), di sini baru-baru ini.

Delegasi Malaysia yang diketuai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed, turut disertai Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Dengan penduduk sekitar 80 juta

orang, Iran menawarkan peluang pasaran yang besar bagi produk sawit Malaysia khususnya dalam sektor industri makanan Iran.

Penggunaan minyak sawit Malaysia dalam industri makanan Iran adalah satu keperluan seperti dinyatakan oleh Kesatuan Industri Makanan Iran (IFIF).

Pada pertemuan itu, Setiausaha Agung IFIF, Kaveh Zargaran menyatakan bahawa industri makanan di Iran memerlukan tidak kurang dari 500,000 tan minyak sawit setiap tahun.

Cadang kerjasama teknikal

Bahkan, anggaran itu tidak termasuk import produk lain berasaskan sawit seperti Cocoa Butter Substitute (CBS) yang sememangnya diimport oleh industri pembuatan manisan dan kuih-muih di Iran.

Pihak IFIF mencadangkan supaya satu kerjasama teknikal antara IFIF dan MPOB dapat dijalin bagi membantu ahli industri makanan di Iran khususnya dalam penggunaan produk sawit Malaysia bagi penghasilan produk makanan di Iran.

Berikutan itu, IFIF mencadangkan supaya satu memorandum persefahaman (MOU) antara MPOB dan IFIF dapat ditanda-



Datuk Seri Mustapa Mohamed ketika mesyuarat bersama IFIF turut disertai oleh Dr Ahmad Kushairi.

ngani pada masa akan datang.

IFIF menyatakan bahawa industri makanan di Iran turut mengimport bahan mentah seperti serbuk koko dari Malaysia.

Sehubungan itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia mencadangkan supaya IFIF turut mengimport pelbagai

bahan mentah lain serta peralatan dan mesin berkaitan industri makanan dari Malaysia.

Sementara itu, Dr Kushairi turut membuat penjelasan berkaitan kelebihan teknikal produk sawit Malaysia dalam industri makanan selain kelebihan nutrisi produk sawit yang tidak mengandungi asid le-

mak trans (TFA) yang berbahaya kepada kesihatan pengguna.

IFIF turut mencadangkan supaya Malaysia dapat menawarkan kemudahan kredit bagi pembelian produk sawit Malaysia kerana diyakini akan meningkatkan lagi import produk sawit Malaysia oleh industri makanan di Iran.

Usaha kembang pasaran sawit Mesir diteruskan

Oleh Hisham Hussain dan Isa Mansor

hishamhussain@mpob.gov.my,
ibm@mpob.gov.my

Kaherah, Mesir: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meneroka peluang bagi meningkatkan pasaran sawit di negara Mesir melalui penganjuran Seminar Teknikal MPOB (MTecS) dengan kerjasama Pusat Makanan dan Industri Teknologi Pertanian (FAITC) di bawah Kementerian Industri Perdagangan dan Perusahaan Sederhana Mesir, di sini baru-baru ini.

Seminar bertemakan 'Penguatan Perdagangan dan Pendidikan Minyak Sawit Melalui Jalinan Kerjasama yang Menyeluruh di antara Malaysia dan Mesir' dirasmikan Duta Malaysia ke Mesir dan Palestin, Datuk Ku Jaafar Ku Shaari. Majlis turut dihadiri Pengerusi FAI-

TC, Ir Hanan Al Hadary.

Ku Jaafar dalam ucapan perasmian berkata, program seumpama itu dapat memperkembangkan lagi pasaran produk sawit Malaysia di Mesir dengan mempromosikan produk sawit secara pendekatan teknikal hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh MPOB.

Katanya, kehadiran pihak yang terbabit menunjukkan minat bagi memajukan industri minyak dan lemak negara berkenaan di samping mendapatkan maklumat terperinci berkaitan R&D dan potensi pasaran minyak sawit Malaysia.

"Usaha seperti ini dapat memberi maklumat teknikal yang lebih komprehensif kepada para peserta dan seterusnya dapat meningkatkan pengetahuan mengenai minyak sawit Malaysia dan pelbagai produk yang dihasilkan daripada sawit.

"Program ini juga penting bagi



Dato' Ku Jaafar Ku Shaari (empat dari kiri) ketika mengikuti pembentangan kertas kerja pada Seminar Teknikal MPOB (MTecS) di Kaherah Mesir.

memberi kesedaran mengenai khasiat pemakanan minyak sawit di samping kepelbagaian aplikasi dalam proses pembuatan makanan berasaskan sawit," katanya.

Mahu usaha MPOB diteruskan

Pengerusi FAITC, Ir Hanan Al Hadary juga mengalu-alukan usaha yang dijalankan oleh MPOB dalam membangunkan industri minyak dan lemak di negara berkenaan.

Beliau berharap usaha MPOB dapat diteruskan pada masa depan dan FAITC ingin mengambil pe-

luang itu dalam memajukan sektor penyelidikan dan pertanian di Mesir.

Empat kertas kerja yang berisikan mengenai industri makanan, pertanian dan industri halal di peringkat global dibentangkan pada seminar itu.

Dalam pembentangan oleh Pengurus Serantau MPOB Afrika, Isa Mansor menjelaskan bahawa industri sawit adalah penting kepada Malaysia dan banyak membantu membangunkan ekonomi negara.

Katanya, MPOB juga melaksa-

nakan beberapa inisiatif melalui aktiviti khidmat nasihat teknikalnya dalam meningkatkan hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Mesir.

"Ini termasuk memberi khidmat nasihat teknikal mengenai potensi aplikasi produk berasaskan sawit yang terkini terutamanya dalam produk makanan dan bukan makanan.

Selain itu, MPOB juga memperkenalkan teknologi dan produk yang terkini hasil R&D seperti margjerin pastru sawit, tocotrienol dan lain-lain lagi.

Seminar itu juga membincangkan mengenai industri halal Malaysia dari segi syariah dan standard yang dilaksanakan agensi berkaitan di Malaysia. Ia disampaikan oleh Dr Ishak Sulaiman, Pengarah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kaherah, Mesir.

Kertas pembentangan oleh FAITC pula menerangkan mengenai fungsi badan kerajaan itu dalam membangunkan industri berasaskan pertanian di negara berkenaan.

Dalam sesi interaksi yang diadakan pada penghujung seminar berkenaan, peserta turut bertukar pandangan mengenai perkembangan terkini dalam sektor komoditi dan pertanian di kedua-dua buah negara di samping pembangunan standard halal di Malaysia.

KOML lahirkan lebih 2,000 belia berkemahiran dalam mekanisasi ladang

➔ Program perkasa modal insan negara, penuhi kehendak industri peladangan

Oleh Mohd Solah Deraman dan Noor Asmawati Abdul Samad
solah@mpob.gov.my, watie@mpob.gov.my

Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) melahirkan lebih 2,000 belia berkemahiran dalam mekanisasi ladang sejak mula ditubuhkan pada Julai 2006 hingga Oktober 2016 bagi memenuhi kehendak industri terutama sektor perladangan sawit.

KOML adalah anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Pada majlis penganugerahan sijil KOML sesi 2015/2016, MPOB menganugerahkan sijil IMPAC dan Sijil SKM kepada 351 pelatih yang terdiri peserta Tahap 2 dan Tahap 3.

Pada majlis penganugerahan kali ini, pelatih terbaik dipilih berdasarkan kepada prestasi pembelajaran, sikap serta disiplin yang ditunjukkan sepanjang sesi pembelajaran dan dinilai secara keseluruhan sepanjang masa berada di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong, Pahang.

Pelatih terbaik Tahap 2 Sesi Oktober 2015 dan Sesi April 2016 adalah Nursahirah Ibrahim dan Muhamad Nahar bin Abdul Nasir. Nursahirah menyambung latihan ke Tahap 3 dan sekarang sedang mengikuti latihan praktikal di ladang Felde Kemelah, Segamat, Johor; manakala Muhamad Nahar pula baru menyambung latihan ke Tahap 3 sesi Oktober 2016.

Pelatih terbaik bagi Tahap 3 sesi April 2015 adalah Mohamad Padli Johari yang kini berkhidmat di ladang IOI Pukin Muadzam sebagai penyelia ladang.

Sementara itu, Mohamad Ezham Norziwan dianugerah sebagai pelatih terbaik KOML Tahap 3 sesi Oktober 2015. Beliau yang baharu menamatkan latihan di PLASMA, kini berkhidmat sebagai field conductor di ladang IOI Leepang Muadzam, Kuantan, Pahang.

Mohamad Ezham ketika ditemui berkata, PLASMA merupakan platform terbaik kepada warga belia untuk menimba ilmu dan kemudian berkecimpung dalam sektor perladangan sawit.

Katanya, peluang pekerjaan sangat luas tetapi buat masa ini ia dimonopoli oleh tenaga kerja asing dan peluang ini perlu diambil alih belia tempatan.

Beliau amat berterima kasih kepada MPOB kerana menyediakan peluang latihan yang terbaik kepada belia dan berharap KOML diteruskan kerana ia memberi peluang kepada warga belia menceburi sektor perladangan sawit sama ada sebagai pekerja ladang atau menjadi usahawan ladang.

Peserta terbaik KOML Tahap 2, Muhamad Nahar Abdul Nasir berpandangan KOML adalah satu platform yang memberi impak sangat besar kepada golongan belia yang ingin menceburi sektor perladangan sawit.

Katanya, KOML menyediakan ilmu pengetahuan berkaitan sawit yang amat berguna merangkumi pelbagai aspek seperti pengurusan ladang dan ilmu berkaitan kejenteeraan.

"KOML menyediakan satu tapak permulaan yang kukuh untuk saya terus mendalami ilmu dalam bidang sawit ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya membantu meningkatkan imej sawit.

Beliau juga berharap ilmu yang diperoleh oleh peserta semasa mengikuti KOML akan digunakan sebaik mungkin sebagai panduan lengkap di alam pekerjaan kelak bagi membina kerjaya yang lebih teguh.

mahiran bagi melayakkan pelatih mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) disamping sijil yang dikeluarkan oleh MPOB.

Kursus yang ditawarkan ini adalah mengikut NOSS (National Occupational Skill Standard) yang mana silibusnya disediakan oleh mereka yang berkemahiran dari industri sawit seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia.

Sistem pembelajaran yang disediakan berorientasikan kemahiran yang memfokuskan 'hand-on' dan sangat penting kerana kursus yang dijalankan adalah berteraskan kemahiran dengan setiap pelatih perlu kompeten dalam topik-topik amali yang diajar.

Kursus anjuran MPOB ini bertujuan melahirkan warga tempatan yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam mengendalikan jentera-jentera ladang dan menggunakan peralatan pertanian terutama bagi sektor perladangan sawit.

Pelatih turut didedahkan dengan aspek perladangan sawit bermula daripada pengetahuan anak benih sehingga penuaian sawit.

Selain itu, mereka juga dilatih untuk menjalankan penyelenggaraan asas jentera pertanian dan enjin petrol dua lejang. Pening-

katan tahap kemahiran akan menghasilkan pelatih dalam bidang penjenteraan ladang yang lebih berpengetahuan dan mahir.

Kerjasama dengan agensi lain

PLASMA kerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam memberi latihan pemanduan jentera seperti traktor dan jengkaut yang memberi peluang kepada pelatih berkelayakan untuk diuji dan seterusnya memperoleh lesen pemanduan yang dikeluarkan oleh JPJ.

Disamping itu kerjasama juga dilakukan dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) supaya pelatih yang mengikuti latihan di PLASMA penuh dengan disiplin dan bebas daripada perkara negatif.

Sehingga kini PLASMA adalah satu-satunya agensi di negara ini yang menawarkan kursus dalam pengkhususan mekanisasi ladang di sektor perladangan sawit. Penganjuran KOML membabitkan kos yang tinggi meliputi bantuan pengajian dan penyediaan peralatan pengajaran serta pembelajaran.

Program yang dijalankan MPOB adalah bagi menyahut seruan kerajaan dalam memperkasa modal insan negara melalui kursus jangka panjang dan pendek yang disasarkan kepada warga belia tempatan.

Penganjuran KOML juga sejajar Dasar Komoditi Negara (DKN) yang digubal oleh MPIC bagi memajukan industri komoditi ke tahap lebih berdaya saing, mampan dan seimbang. DKN dibahagi kepada tujuh teras dan salah satunya ialah membangun dan memperkasa modal insan yang memfokuskan peningkatan bilangan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam memacu permodenan dan meningkatkan daya saing industri komoditi.



Mohamad Ezham bersama sijil yang diterima



Jentera hydra-porter bantu kecekapan urus pengangkutan buah tandan segar.

Hydra-porter, jentera pengangkut tandan kawasan tanah becak

Oleh Abd Rahim Shuib
rahim@mpob.gov.my

Jentera sedia ada yang berada di pasaran menggunakan transmisi konvensional akan mudah terbenam bila melalui kawasan yang becak.

Dalam reka bentuk jentera konvensional, sekiranya sesebuah roda atau tayar kehilangan cengkaman pada permukaan tanah, keseluruhan tork (torque) yang ada pada enjin akan disalurkan kepada tayar yang kehilangan cengkaman dan ini menyebabkan jentera tidak bergerak ke hadapan.

Ini adalah antara kelemahan yang ada pada sistem transmisi konvensional.

Motor hidraulik

Satu pembaharuan diperkenalkan ke atas jentera yang dinamakan hydra-porter dimana sistem transmisi tidak menggunakan gandar (axle) yang biasanya terdapat pada kebanyakan jentera di pasaran.

Keempat-empat tayarnya dipasang dengan motor hidraulik untuk menggerakkan jentera ini dan dikawal dengan sistem hidraulik.

Sekiranya salah satu dari empat tayar ini tersangkut atau terbenam, aliran minyak hidraulik akan disalurkan kepada tayar yang masih tidak tersangkut atau terbenam.

Mekanisma ini dapat mengelakkan daripada jentera tersangkut ketika melalui kawasan yang becak.

Selain sistem transmisi yang ditambah baik, hydra-porter juga dipasang dengan alat untuk mengangkat buah tandan segar (BTS) atau dikenali 'FFB grabber' yang boleh membantu pemandu jentera mengangkat BTS dari atas tanah terus ke dalam bekas.



Sekiranya salah satu dari empat tayar ini tersangkut atau terbenam, aliran minyak hidraulik akan disalurkan kepada tayar yang masih tidak tersangkut atau terbenam."

Satu mekanisma yang dipanggil 'scissor lift' dipasang di bawah bekas BTS yang juga satu inovasi untuk meningkatkan kecekapan jentera ini.

Elak curah ke tanah

Dengan mekanisma ini BTS yang terkumpul di dalam bekas dapat dituang terus ke dalam treler atau lori yang sedang menunggu dan mengelakkan daripada BTS ini dicurah ke tanah.


Ini adalah teknologi baharu yang boleh membantu industri sawit mengurangkan beban kerja kepada pekerja ladang.

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), satu skim diwujudkan di mana pengusaha sawit yang berminat mengamalkan mekanisasi bagi aktiviti ladang mereka boleh memohon skim insentif yang dikenali sebagai OPIMIS.

Bakal pembeli hydra-porter juga layak memohon OPIMIS yang membolehkan mereka menikmati diskaun sehingga 20 peratus.

KOML ikut silibus NOSS

KOML dilaksanakan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) yang diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah Lima Bintang oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam memberi latihan kursus ke-



Status lepasan pelatih KOML.



Muhammad Nahar Abdul Nasir gembira dianugerah peserta terbaik.



Mohamad Ezham ketika menjalankan tugas sebagai 'field conductor' ladang sawit.

Saintis MPOB terima anugerah LEAP

➔ Pencapaian mengembang dan bangunkan idea serta kaedah biak baka sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Saintis Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. N. Rajanaidu dianugerah Life Time Excellence Award, Oil Palm Industry (LEAP) di atas pencapaian mengembang dan membangunkan idea serta kaedah biak baka sawit yang memberi sumbangan besar kepada masa depan keseluruhan industri sawit Malaysia.

Beliau menerima anugerah LEAP daripada Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur pada majlis makan malam sempena Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit (POTS) Kuala Lumpur anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), di sini baru-baru ini.

Beliau berjaya mengumpul koleksi pelbagai spesies baka sawit hingga menjadikan MPOB sebagai pengumpul germplasma sawit ter-

besar di dunia.

Koleksi germplasma yang dikumpul dari serata dunia terutama dari benua Afrika dan negara-negara Amerika Selatan membantu beliau melaksanakan penyelidikan yang akhirnya memberi manfaat kepada industri dengan terhasilnya baka sawit serta bahan tanaman elit.

Hasil penyelidikan beliau berjaya menghasilkan pelbagai bahan tanaman elit yang mempunyai pelbagai nilai dari segi genetik menyedia peluang kepada pihak industri meneroka lebih banyak program biak baka secara komersial.

Sejak berkecimpung secara aktif pada tahun 1973, Dr. Rajanaidu terbabit secara langsung dengan proses pengumpulan, penghasilan bahan tanaman, penilaian, penggunaan dan pemuliharaan bagi mengembangkan lagi asas genetik sawit di Malaysia.

Repositori bank gen sawit

Usaha beliau membuah hasil dengan tertubuhnya repositori bank gen sawit di Malaysia untuk generasi masa depan dan berpotensi menjadi khazanah negara.

Hasil usaha beliau bersama rakan pengumpul lain, hampir 100,000 pokok sawit ditanam di pusat germplasma terbesar dunia milik MPOB di Kluang, Johor.

Beliau menambah setiap pokok dinilai dari aspek penghasilan minyak, ketinggian, komposisi lemak dan lain-lain. Data yang dikumpul disimpan dalam Sistem maklumat Biak Baka MPOB.

Koleksi germplasma beliau memainkan peranan penting dalam



Dr. N. Rajanaidu menerima anugerah bagi pencapaian kecemerlangan seumur hidup daripada Datuk Datu Nasrun Datu Mansur.

penjajakan genom sawit yang dilaksanakan oleh MPOB pada masa ini.

Dr. Rajanaidu yang berpengalaman lebih 40 tahun dalam bidang biak baka turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din yang turut serta terbabit dengan pengumpu-

lan koleksi baka sawit.

Katanya, anugerah yang diterima itu memberi dorongan kepada beliau untuk terus menyumbang kepada industri sawit pada masa akan datang.

Dr. Rajanaidu pada masa ini aktif memberi khidmat perundingan berkaitan biak baka sawit di peringkat nasional dan anta-

rabangsa, terutamanya melalui platform yang disediakan oleh International Society for Oil Palm Breeders (ISOPB).

Sejak 20 tahun kebelakangan ini, beliau turut giat melatih pakar biak baka muda yang berpotensi bagi mengurus dan menggunakan sumber-sumber genetik sawit.

Penyelidik MPOB terima anugerah Saintis Muda MOSTA, Platinum BIS

Oleh Ng Mei Han dan Dr Meilina Ong Abdullah meilina@mpob.gov.my meihan@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Pegawai Penyelidik Prinsipal MPOB, yang juga Ketua Kumpulan Teknologi Bersih dan Terbitan Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datin Dr Ng Mei Han menerima anugerah Saintis Muda MOSTA (Malaysian Oil Scientists' and Technologists Association) daripada Presiden MOSTA, Academician Tan Sri Emeritus Profesor Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock sempena Persidangan Oils and Fats Congress (OFIC) yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Anugerah Saintis Muda diperkenalkan MOSTA pada tahun 2014 bagi mengiktiraf saintis tempatan yang berusia di bawah 40 tahun yang mencapai kejayaan menonjol

serta memberi sumbangan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D), khususnya di dalam bidang minyak dan lemak. Anugerah ini menjadi pendorong generasi muda menceburi bidang R&D.

Pemprosesan fitonutrien

Pengiktirafan yang diterima oleh Dr Ng adalah berdasarkan sumbangannya dalam bidang sawit, khususnya pemprosesan fitonutrien dari minyak sawit menggunakan teknologi yang bersih dan mesra alam.

Fitonutrien daripada minyak sawit seperti karotena dan tokotrienol adalah agen antioksidan dan agen antikanser yang berkesan.

Fitonutrien ini adalah bernilai tinggi, terutama tokotrienol yang hanya didapati secara semula jadi dalam kuantiti yang tinggi secara relatif dalam minyak sawit.

Dr Ng juga menceburi bidang R&D pemprosesan sawit menggunakan teknologi moden seperti ge-

lombang mikro dan ultrasound.

Hasil kajian beliau memberi impak tinggi dan menambah nilai kepada minyak sawit dan telah membawa kepada penghasilan 12 paten di dalam dan luar negara.

Sementara itu, seorang lagi penyelidik MPOB yang juga Ketua Unit Biak Baka dan Kultur Tisu Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biak Baka MPOB, Dr Meilina Ong berjaya membawa pulang anugerah Platinum bagi teknologi Sure SawitTM yang dipertandingkan di The British Invention Show (BIS) di London.

Selain itu, teknologi berkenaan bersama teknologi Sure SawitTM KARMA turut menggendol pingat emas untuk inovasi dan pingat perak untuk reka bentuk kedua-dua produk.

Acara tahunan

Pertandingan ini adalah acara tahunan yang diasaskan oleh Kane Kramer, seorang pereka yang ada-



Dr Ng Mei Han menerima anugerah daripada Presiden MOSTA, Tan Sri Emeritus Professor Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock.

lah pencipta asal teknologi MP3 dan pemain audio digital.

BIS adalah platform bagi mendedah dan mempamerkan idea-idea bernas dengan hasrat menarik bakal rakan kongsi dalam perdagangan dan industri. Ia diwujudkan untuk membangunkan peluang perniagaan baharu dengan membawa bersama-sama

inovasi dan syarikat, pelabur dan pencipta, pereka dan pengeluar peringkat global.

BIS mengambil kira kriteria seperti kepentingan inovasi tersebut kepada orang ramai, ciri-ciri unik produk, nilai komersial, faktor 'wow' dan tahap perkembangan dalam pemarkahan untuk inovasi yang dipertandingkan.

Kerjasama antarabangsa tingkat teknologi biak baka sawit

➔ Kongsi idea, kepakaran hasilkan anak sawit berkualiti

Oleh Dr Zulkifli Yaakub
zulkifly@mpob.gov.my

► Kisaaran, Indonesia

Persatuan Ahli-ahli Pembaka Kelapa Sawit Antarabangsa (ISOPB) dengan kerjasama Pusat Penelitian Kelapa Sawit Indonesia (IOPRI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan seminar antarabangsa dengan tema *Oil Palm Breeding and Seed Production* bagi membincangkan mengenai kemajuan dan pencapaian terkini program biak baka dan penghasilan biji benih sawit, di sini baru-baru ini.

Penganjuran seminar yang disertai hampir 100 peserta dari tujuh negara iaitu Perancis, Thailand, Indonesia, Malaysia, Costa Rica, England dan Amerika Syarikat.

Program seminar dirasmikan oleh Pengarah IOPRI, Dr Hasril

Hasan Siregar.

Sebanyak 10 kertas penyelidikan telah dibentangkan dalam dua sesi.

Bersesuaian tema, sembilan kertas penyelidikan adalah berkisar kepada kemajuan program biak baka dan status terkini penghasilan biji benih sawit di agensi sawit yang terbabit.

Kebanyakan isu dibincangkan menjurus kepada penghasilan bahan tanaman yang mempunyai hasil lebih tinggi, tahan penyakit dan berciri padat serta pemilihan pokok induk yang berkualiti.

Bincang penambahbaikan

Turut dibincangkan penggunaan spesies kedua sawit, *E.oleifera* dalam program penambahbaikan bahan tanaman komersial sedia ada.

Selain itu, penggunaan dan prestasi pokok sawit klon serta penyelidikan biak baka molekul turut dibincangkan oleh beberapa agensi.

Dalam menangani isu pencemaran pokok dura sebagai bahan tanaman komersial dan kecacatan pokok klon, pihak Orion Biosains membentangkan satu kertas kerja mengenai potensi penggunaan kit SureSawit dalam mengatasi masalah itu.

Program seminar juga meliputi lawatan ladang ke PT Socfindo dan PT ASD-Bakrie yang juga bertempat di Kisaaran.

PT Socfindo adalah agensi yang terbabit dalam industri sawit dan getah di Indonesia. Dengan lebih 100 tahun pembabitan dalam industri ini, Socfindo berkembang menjadi pembekal kepada bahan tanaman sawit yang berkualiti tinggi dengan membekalkan lebih daripada 550 juta biji benih yang merangkumi 2.8 juta hektar keluasan tanaman bukan sahaja di Indonesia tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Socfindo juga berjaya menghasilkan bahan tanaman tahan *Ganoderma* yang dikenali sebagai *DxP MT Gano*. Bahan tanaman ini mula dikomersialkan pada Ogos 2013 dan memberi banyak manfaat kepada industri sawit Indonesia dalam menangani isu serangan penyakit *Ganoderma*.

Semasa program lawatan, peserta dibawa melawat ke plot eksperimen ujian progeni, melihat demonstrasi program pendebungaan dan aktiviti makmal penghasilan biji benih.

PT ASD-Bakrie yang ditubuhkan pada 2008 dengan kerjasama ASD Costa Rica, menghasilkan lebih 20 juta biji benih sawit setiap tahun



Peserta seminar anjuran ISOPB ketika lawatan ke PT ASD-Bakrie.

untuk memenuhi keperluan industri.

Hasil tanaman berkualiti

Fokus program biak baka ASD-Bakrie adalah menghasilkan bahan tanaman yang berciri padat dan boleh ditanam pada jumlah yang lebih tinggi perhektar.

Agensi ini juga berjaya memasarkan bahan tanaman yang tahan cuaca sejuk dan kering. Peserta seminar dibawa melawat ke plot *Seed Garden* yang mengandungi 20

susur galur bahan tanaman dura dari jenis Deli dan Tanzania yang merangkumi keluasan 41 hektar.

Peserta turut melawat plot eksperimen bagi program bahan tanaman berciri padat yang mempunyai 200 susur galur dura berbeza yang dibawa masuk dari Costa Rica. Pokok sawit ini menunjukkan kadar kenaikan ketinggian tahunan rendah dan mempunyai pelepah lebih pendek berbanding tanaman komersial biasa.

MPOB kongsi maklumat sawit dengan warga UTM

Oleh Nor Asliza Semiran dan Hisamudin Aspar
norasliza@mpob.gov.my,
hisamudin@mpob.gov.my

Skudai: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Institut Pembangunan Bio-produk (IBD), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) di Universiti Teknologi Malaysia, di sini baru-baru ini.

Seminar yang dikenali MTecS UTM 2016 ini berjaya menarik 120 penyertaan mahasiswa, kakitangan akademik dan bukan akademik UTM.

MTecS UTM turut dihadiri Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Johor, Ahmad Kamil Mohd Yunus.

MTecS UTM 2016 yang bertajuk 'Pengenalan kepada Minyak Sawit dan Aplikasinya' bertujuan memberi pendedahan mengenai industri minyak sawit dan

produk berasaskan minyak sawit kepada warga UTM.

Lapan pembentangan kertas kerja oleh penyelidik MPOB dan UTM yang merangkumi pengenalan kepada MPOB dan industri sawit Malaysia, peringkat pemprosesan, kebaikkan pemakanan, aplikasi dalam industri pembuatan makanan berasaskan sawit dan juga kemampuan industri sawit negara.

Di samping itu, pembentangan kertas kerja juga meliputi penyelidikan dan pembangunan terkini minyak sawit dalam meningkatkan kesejahteraan industri minyak sawit di Malaysia.

Tingkat pemahaman

Timbalan Pengarah IBD, Prof Dr Mohamad Roji Sarmidi, dalam ucapan aluannya berkata, IBD sangat mengalu-alukan seminar seperti ini bagi meningkatkan pemahaman mengenai industri sawit negara di kalangan warga UTM.



Sebahagian peserta MTecS UTM anjuran MPOB.

Katanya, IBD mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam penyelidikan dan pembangunan bio-produk terutamanya produk berasaskan herba dan bahan sumber asli tempatan termasuk produk sawit.

"Pihak IBD UTM khususnya, amat mengalu-alukan kerjasama di antara IBD dan MPOB terutamanya dalam R&D. Kerjasama penyelidikan akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak, seterusnya dalam industri mi-

nyak sawit negara", katanya.

Minyak sawit baik untuk kesihatan

Sementara itu, Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, Balu Nambiappan, dalam ucapannya berkata penganjuran MTecS UTM berkemampuan memberi kesedaran kepada warga universiti mengenai kepentingan industri minyak sawit kepada ekonomi Malaysia.

"Seminar ini diharapkan dapat

memberi kesedaran kepada warga UTM bahawa minyak sawit adalah minyak sayuran yang baik untuk kesihatan", katanya.

Di akhir seminar, satu sesi interaksi di antara ahli akademik UTM dengan MPOB mengenai peluang kolaborasi R&D dengan MPOB turut diadakan.

Mahasiswa UTM juga menunjukkan minat mendalam mengenai kemudahan menyambung pelajaran dan pembiayaan pendidikan disediakan MPOB.

Kajian manfaat minyak sawit kepada ekonomi dunia

➔ Analisis peranan sebagai minyak sayuran paling popular dunia

Kajian Terbaru Europe Economics Mengesahkan Manfaat Ekonomi Global Melalui Import Minyak Sawit - Import minyak sawit menjana US\$39 bilion kepada ekonomi global serta 2.9 juta peluang pekerjaan.

Baru-baru ini Europe Economics, sebuah firma perunding terkenal dunia yang berpangkalan di London, mengeluarkan satu laporan baharu yang mengkaji nilai manfaat utama minyak sawit kepada ekonomi dunia.

Kajian terbaru ini mengguna-

kan satu model ekonomi untuk menganalisis peranan minyak sawit sebagai minyak sayuran yang paling popular di dunia dan cekap dalam penggunaan tanah serta kos pengeluaran.

Ita juga bertujuan menilai impak-impak positif kepada negara-negara pengimport minyak sawit.

Kajian Europe Economics mendapati bahawa import minyak sawit:

→ Menjana US\$39 bilion pertumbuhan keluaran kasar dalam negeri (KDNK) kepada ekonomi global

→ Dikaitkan secara langsung dengan penjana kira-kira 2.9 juta peluang pekerjaan di seluruh dunia

Menyumbang kepada perkara-perkara berikut di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah-28, India dan China:

→ Amerika Syarikat: UD\$8.76 bi-



M P O C

lion KDNK; UD\$860 juta hasil cukai dan 62,000 peluang pekerjaan
 → Kesatuan Eropah-28: €6.42 bilion KDNK; €1.2 bilion hasil cukai dan 93,620 peluang pekerjaan
 → India: Rs221 bilion KDNK; Rs23.84 bilion hasil cukai dan 1.134 juta peluang pekerjaan
 → China: ¥59.31 bilion KDNK; ¥6.16 bilion hasil cukai dan 929,000 peluang pekerjaan.
 (Ilustrasi hasil kajian ini boleh

ditonton di laman sesawang YouTube video di <https://youtu.be/Z2OjZagZ1w>.)

Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron berkata, ini adalah satu kajian baru yang tidak pernah dilakukan; kajian yang menzahirkan peranan minyak sawit sebagai sumber pelbagai manfaat ekonomi dan sosial kepada ekonomi global.

“Pengeluaran minyak sawit memberi manfaat yang besar kepada rakyat Malaysia. Malah, kajian penyelidikan terbaru ini menunjukkan bahawa minyak sawit juga memberi pelbagai manfaat yang besar kepada perdagangan dan pengguna di negara-negara pengimport di seluruh dunia.

“Peranan semasa minyak sawit sebagai sumber makanan penting dan tenaga yang boleh diperbaharui menggambarkan nilai yang minyak sawit berikan kepada pengeluar, pengilang dan pengguna di seluruh dunia.

“Bukti didapati sangat jelas. Minyak sawit perlu diiktiraf dan diterima sebagai penyumbang utama kepada penggajian dan pertumbuhan ekonomi dunia, memberi pelbagai faedah yang bernilai berbilion dolar dan mewujudkan berjuta-juta peluang pekerjaan,” katanya.

Eksport minyak sawit dunia hampir menjangkau empat kali ganda di antara tahun 1997 dan 2013.

Ini secara ketara meningkatkan lagi nilai komoditi ini di sepanjang rantaian bekalan.

Kajian Europe Economics mendapati bahawa pengimportan minyak sawit memberi sumbangan terbesar kepada sektor pembuatan, pengedaran dan perkhidmatan.

Fakta Utama Mengenai Minyak Sawit Malaysia

→ Malaysia adalah pengeluar kedua terbesar dan pengeksport utama minyak sawit.

→ Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) adalah sebuah agensi kerajaan yang bertanggung jawab menjaga kepentingan penanam sawit dan pekebun kecil sawit di Malaysia.

→ 40 peratus daripada jumlah keluasan tanaman sawit di Malaysia dimiliki atau diusahakan oleh petani kecil yang menikmati pelbagai manfaat daripada tanaman komoditi ini.

→ Minyak sawit adalah salah satu sektor penyumbang utama dalam membasmi kemiskinan di Malaysia iaitu daripada kira-kira 50 peratus pada tahun 1960-an kepada kurang daripada 5 peratus pada hari ini.

Industri minyak sawit juga menyediakan peluang pekerjaan secara langsung kepada 570,000

orang dan secara tidak langsung kepada kira-kira 290,000 orang lagi di sepanjang rantaian hilirannya.

Alam Sekitar

Dakwa bahawa Malaysia melakukan penebangan hutan secara besar-besaran serta memusnahkan bio-kepelbagaian adalah tidak tepat.

Kerajaan Malaysia berjanji kepada dunia di Persidangan Puncak Dunia di Rio de Janeiro pada 1992 untuk melindungi sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan kawasan tanahnya sebagai kawasan hutan simpan kekal – satu komitmen kepada alam sekitar yang berani dan berpandangan jauh yang tidak mampu diandingi oleh mana-mana negara lain.

Komitmen Malaysia ini diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Bank Dunia. Malaysia juga diiktiraf sebagai pemimpin dunia dalam perlindungan hutan.

Malaysia juga komited dalam melaksanakan polisi seimbang yang membolehkan pembangunan tanah untuk tujuan pertanian (termasuk tanaman sawit) dan perlindungan kawasan berhutan dilakukan secara serentak.

Tanaman sawit di seluruh dunia meliputi hanya 0.3 peratus daripada keluasan tanah pertanian global tetapi memberi hasil pengeluaran yang tertinggi berbanding mana-mana tanaman minyak sayuran lain.

Kesehatan dan Pemakanan

Minyak sawit adalah minyak sayuran yang seimbang di mana ia mengandungi ratio jumlah asid lemak tidak tepu dan asid lemak tepu yang sama iaitu 1:1 (50 peratus asid lemak tidak tepu dan 50 peratus asid lemak tepu).

Keseimbangan ini memberi pelbagai kualiti kepada minyak sawit dan menjadikannya sangat sesuai digunakan untuk membakar (baking) dan pengeluaran pelbagai jenis makanan.

Minyak sawit adalah bebas daripada manipulasi genetik organisma (GMO) dan adalah lemak alternatif kepada asid lemak trans yang membahayakan kesihatan.

Ramai penyelidik dan pakar di Eropah serta seluruh dunia mengakui khasiat dimiliki minyak sawit serta mengesahkan bahawa kadar penggunaannya di Eropah adalah normal.

Institusi yang mengesahkan fakta minyak sawit dan khasiatnya ini adalah Universiti Cambridge (University of Cambridge), Jurnal Pemakanan Klinikal Amerika (Journal of American Clinical Nutrition), Yayasan Makanan & Kesihatan Perancis (French Food & Health Foundation) dan Institut Mario Negri (Mario Negri Institute) di Milan.

(Artikel ini disunting daripada artikel yang bertajuk, Malaysian Palm Oil Council: New Study Outlines Global Economic Benefits of Palm Oil. Sila layari www.theoilpalm.org untuk mendapatkan salinan asal artikel ini).

Impak Ekonomi Minyak Sawit

Pengimportan minyak sawit memberi sumbangan yang merangkumi keseluruhan ekonomi global termasuk pemakanan, tenaga dan pelbagai produk pengguna



SUMBANGAN KEPADA
KDNK

US\$39 bilion



SUMBANGAN KEPADA
HASIL CUKAI

US\$4.3 bilion



SUMBANGAN KEPADA
PELUANG PEKERJAAN

2.9 juta pekerjaan



SUMBANGAN KEPADA
KDNK



SUMBANGAN KEPADA
HASIL CUKAI



SUMBANGAN KEPADA
PELUANG PEKERJAAN

	SUMBANGAN KEPADA KDNK	SUMBANGAN KEPADA HASIL CUKAI	SUMBANGAN KEPADA PELUANG PEKERJAAN
Amerika Syarikat	US\$8.76 bilion	US\$860 juta	62,000 pekerjaan
Kesatuan Eropah-28	€6.42 bilion	€1.2 bilion	93,620 pekerjaan
India	₹221 bilion	₹23.84 bilion	1,134,000 pekerjaan
China	¥59.31 bilion	¥6.16 bilion	929,000 pekerjaan

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.PalmOilEconomics.org



Minyak sawit dikenali seantero dunia

Pada masa kini, sektor industri semakin berkembang dan mendapat nama di seluruh dunia. Tidak terlepas juga industri sawit yang sentiasa menjadi pemangkin utama ekonomi negara.

Sawit umumnya mula dibawa ke Asia Tenggara dari Afrika pada tahun 1870 dan datang ke Tanah Melayu sebagai tanaman hiasan. Pada tahun 1917 bermula penanam sawit secara komersial di beberapa tempat di Selangor.

Secara umumnya, Malaysia dikenali seantero dunia sebagai antara pengeksport minyak sawit dan minyak isirung terbesar di dunia.

Malaysia menyumbang sebanyak lebih kurang 50 peratus daripada pengeluaran minyak sawit dunia.

Negara tembok besar China merupakan negara pengimport utama minyak sawit mentah negara ini. Pada tahun 2010, kadar eksport ke negara China adalah sebanyak 11.37 juta tan atau 68.2% daripada eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 2010.

Seperti diketahui Malaysia bukanlah satu-satu negara pengeluar minyak sawit dunia.

Negara di selatan Amerika dan benua Afrika turut menanam pokok sawit untuk mendapatkan minyaknya.

Industri sawit memang terkenal kerana minyaknya dapat digunakan sebagai bahan masak, sabun, lilin dan sebagainya.

Dalam jangka panjang penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah penting untuk meningkatkan produktiviti, meingkatkan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Muhammad Syahir Afhan Roziki

Maktab Tentera Diraja Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur

tambah nilai produk dan kemampanan industri sawit.

Minyak sawit turut dikenali kerana harganya yang berpatutan dan mudah dihasilkan melalui proses pensterilan dan pemerahan, seterusnya melalui proses penapisan dan pemeringkatan yang lebih menjimatkan berbanding minyak sayuran lain.

Sawit merupakan tanaman jangka panjang yang boleh dituai sepanjang tahun. Pengeluaran tanaman sawit yang tinggi menjadikan minyak sawit lebih menguntungkan berbanding minyak sayuran lain.

Dari aspek alam sekitar, penanam sawit memang bersifat mesra alam.

Penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan menunjukkan tanaman sawit boleh dijadikan sumber bagi mengetengahkan kecekapan tenaga dan produktiviti yang tinggi berbanding tanaman lain dari segi nilai input-output.

Pokok sawit juga memainkan peranan penting dalam menggantikan kawasan pembalakan, serta dapat memenuhi pelbagai fungsi kawasan hutan.

Perladangan sawit di Malaysia turut mengamalkan kaedah pembakaran sifar dalam pembukaan dan penanaman semula sawit.

Minyak sawit dihasilkan secara sistematik dan boleh dibuktikan dengan pensijilan bebas. Pensijilan ini mengesahkan minyak sawit dihasilkan secara mampan dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Dengan pertambahan penduduk dunia dan peningkatan permintaan ke atas minyak sawit, pelbagai tindakan proaktif boleh diambil seperti meningkatkan pengurusan ladang, penggunaan bahan tanaman bermutu tinggi, menangani penyakit dan sebagainya.

Penggunaan jentera seperti Beluga, Cantas dan Rhyno dapat memenuhi keperluan sektor ini, sekaligus meningkatkan kecekapan pengurusan ladang.

Kesimpulannya, industri sawit amat membantu dalam pelbagai perkara dan masyarakat pada hari ini amat memerlukannya untuk menjalani kehidupan harian.

Minyak sawit berjaya menyerlahkan polisi pihak industri yang menyokong pengeluaran serta pengalihan berterusan, secara ekonomi dan mesra alam, bekalan makanan yang selamat serta mudah diperolehi buat penduduk dunia yang semakin bertambah.

Misi ekonomi dan teknikal ke luar negara bantu perkukuh imej industri sawit Malaysia

Perdagangan antarabangsa adalah salah satu faktor pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Secara keseluruhan eksport komoditi negara pada tahun 2015 bernilai sekitar RM100 bilion dengan minyak sawit dan produknya menjadi penyumbang terbesar iaitu RM63.2 bilion.

Permintaan pesat industri sawit ini adalah hasil kerjasama perdagangan dengan negara luar. Pelbagai agensi bergabung tenaga membina rangkaian kerjasama ini. Diantaranya Kementerian Luar Negeri, MITI, Marade, MIDA dan bagi industri sawit pula ialah MPIC, MPOB dan MPOC menjadi penggerak utama.

MPOB sahaja mempunyai lima pejabat luar negara manakala MPOC mempunyai 10 rangkaian pejabat di serata dunia bagi memperkukuh jalinan kerjasama perdagangan, menggalak perluasan pasaran di samping menyebarkan maklumat secara terus bagi memperkukuh imej industri sawit negara.

Aktiviti ke arah memperkukuh, mempromosi dan melindungi industri sawit sentiasa dititik beratkan.

Beberapa siri pendekatan seperti lawatan kerja, pameran, seminar, forum dianjurkan di serata dunia bagi mendekati industri sawit dengan pengguna.

Maklumat yang tepat dan terperinci yang disokong fakta saintifik menjadi bekalan strategik kepada MPOB dalam misi ke



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Abd Hadi Kamil Hj Mohtar
Parit Haji Ali
Kuala Kurau, Perak

luar negara.

Sebagai contoh, misi ekonomi dan teknikal ke China, Eropah dan Myanmar bagi meningkatkan perdagangan komoditi utama negara.

Misi ini Berjaya menemukan Malaysia dengan wakil kerajaan, swasta dan pengguna.

Misi juga merangkumi program Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit (POTS) dan forum kesihatan dan pemakanan minyak sawit.

Peluang Malaysia memperkuku perdagangan dan mempertahankan imej minyak sawit dibuat melalui perbincangan dengan pihak kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam penggabalan polisi dan perdagangan minyak dan lemak.

Contohnya, program seminar 3-MCPD yang berjaya memberi penerangan

mengenai isu berkaitan kualiti minyak sawit dan pensijilan sawit mampan Malaysia (MSPO).

Ia berjaya meningkatkan pemahaman dan keyakinan di pihak kerajaan, swasta dan pengguna terhadap minyak sawit Malaysia yang dihasilkan secara teratur dan terkawal.

Melalui misi-misi ini, Malaysia Berjaya mempromosi minyak sawit dan produknya, meningkatkan imej minyak sawit, membuka ruang pelaburan, meroka peluang dan bidang baharu industri sawit, menyalur maklumat mengenai teknologi, inovasi dan produk terkini serta menjalin hubungan dengan syarikat berpotensi.

MPOB meletakkan negara sebagai peneraju teknologi industri sawit dan menjadi contoh kepada negara lain dalam pembangunan tanah pertanian melalui tanaman sawit.

Penanaman sawit ini memberi impak ekonomi kepada penggiat perladangan, pengilangan dan pekebun kecil.

Yang pastinya industri sawit menjana pendapatan kepada seluruh rantaian hulu, pertengahan dan hiliran.

Industri sawit terus menjadi penyumbang utama sumber bekalan makanan dunia yang selamat, berkhasiat dan mampan.

Imej baik ini perlu dikekalkan dan digilap supaya kepercayaan pengguna tidak dimanipulasi oleh sentiment negative dan tohmahan berat sebelah.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN NOVEMBER 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Minyak sawit berkhasiat dan baik untuk kesihatan. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Produk kesihatan berasaskan sawit semakin mendapat perhatian. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan DISEMBER 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Oktober 2016

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Muhammad Syahir Afhan Roziki
Maktab Tentera Diraja Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur

Hadiah Kedua
Muhd Hami Najmi
SMK Jalan Tiga Bangi, Selangor

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Abd Hadi Kamil Hj Mohtar
Parit Haji Ali
Kuala Kurau, Perak

Hadiah Kedua
Muhammad Imran Ismail
Bandar Seri Alam
Masai, Johor

Hadiah Ketiga
Norhidayu Ahmad
Bukit Kuantan
Kuantan, Pahang

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 November 2016
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyampaikan anugerah kecemerlangan kepada ahli Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) sempena majlis makan malam tahunan persatuan itu di Kuala Lumpur.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur melawat pameran MPOB sempena Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit (POTS) di Kuala Lumpur; baru-baru ini. Beliau diiringi Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (tengah).



Datuk Seri Ahmad Hamzah berminat mengetahui mengenai anak benih sawit ketika melawat pameran sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit di Ipoh, Perak. Beliau diiringi Dr. Ahmad Kushairi Din (kanan).



Datuk Seri Ahmad Hamzah bersalaman dengan Pengerusi Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil (NASH), Datuk Aliasak Ambia sempena kunjungan hormat dan sesi perbincangan ahli majlis tertinggi persatuan itu baru-baru ini di Kuala Lumpur.



Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi melihat proses suntingan berita dijalankan ketika lawatan ke pejabat Berita Harian. Sepanjang lawatan beliau diiringi Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Abdul Jalil Hamid (kanan) dan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali (kiri).



Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman memberi penerangan mengenai baka sawit kepada delegasi European Palm Oil Alliance (EPOA) yang mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi.